



Buletin

Rejab 1445/ Januari 2024

ACIS

Ibrah Perang Tabuk

Pemikiran Ibnu Khaldun
dalam Politik

E-book Pengurusan
Maklumat Islam

Kempen Solidariti Palestin

Cerita Rakyat
Menyingkap Tauladan

eISSN 2600-8289



9 77 2 6 0 0 8 2 8 0 0 1

Cerita Rakyat Menyingkap Tauladan

Oleh:

Shahril Anuar Abdul Ghalim

Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media,
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Karya sastera merupakan khazanah warisan yang tidak ternilai bagi masyarakat Malaysia. Karya sastera merupakan hasil kreatif masyarakat dalam mengungkap pelbagai persoalan berkaitan dengan kehidupan manusia, alam dan ketuhanan. Ia merupakan medium yang berkesan dalam konteks penyampaian mesej yang diwarisi sejak berzaman. Kandungannya banyak menyentuh tentang unsur pengajaran, nasihat, penyampaian ilmu, gambaran latar zaman dan pelbagai lagi isi kandungan yang ditonjolkan dalam karya tertentu. Antara karya sastera yang popular adalah cerita rakyat.

Aspek penceritaan merupakan suatu keistimewaan dan keunikan yang ada dalam masyarakat Melayu khususnya. Cerita rakyat pada asalnya diwarisi secara lisan dan kemudian perkembangan dari semasa ke semasa. Bermula dengan penyampaian secara lisan dan kemudiannya diperkemas secara cetakan yang merangkumi teks dan media bergambar. Dengan kemajuan teknologi yang terus berkembang pantas, ianya terus diwarnai dengan kaedah penyampaian audio visual sehinggalah ke ruang digital. Perkembangan ini adalah bersesuaian bagi memenuhi keperluan semasa dalam memperbaharui gaya persembahan agar terus relevan. Ternyata khazanah yang tidak ternilai ini mampu untuk terus dipertahankan demi kelangsungan sebuah tamadun.

Walaupun mengalami perubahan demi perubahan dalam gaya penyampaian tetapi konteks atau fokus utamanya masih lagi dipertahankan. Ternyata mesejnya masih terpelihara dan sesuai untuk menjadi tatapan masyarakat walaupun ianya diungkapkan sejak zaman berzaman. Ianya sesuai dengan tujuan asal cerita rakyat ini dihasilkan iaitu bertujuan untuk diwarisi oleh satu generasi ke generasi yang lain.

Apabila kita mengupas perihal cerita rakyat, kita tidak dapat lari daripada membincangkan tentang peranannya dalam memberikan didikan berupa pengajaran terutamanya terhadap golongan kanak-kanak. Kanak-kanak merupakan golongan sasaran jika kita bersandarkan tentang pengkisahan yang cuba dibawa sebagai objektif utama dalam kebanyakan cerita rakyat. Kesesuaian cerita rakyat dengan golongan ini dapat dilihat perkaitannya iaitu dalam penceritaan cerita rakyat, banyak menggunakan unsur-unsur imaginasi dalam menghayati sesuatu watak. Sebagai contoh, watak haiwan digambarkan dengan kebolehan berkata-kata seperti manusia. Kaedah ini mampu untuk menarik minat golongan kanak-kanak dan mampu untuk menyampaikan mesej dengan berkesan kepada mereka. Ianya bukan sekadar hiburan semata tetapi memberikan galakan awal berkenaan nasihat dan pengajaran secara mudah difahami melalui watak yang berkesan.

Dengan berpanduan kata bijak pandai bahawa melentur buluh biarlah dari rebunginya maka bolehlah dikatakan bahawa cerita rakyat banyak memberi faedah dan sesuai untuk dipersembahkan pada golongan muda. Ianya mampu untuk membentuk moral, tingkah laku dan pemikiran positif pada peringkat awal serta pengalaman berkisar cerita rakyat ini mampu diterjemahkan dalam kehidupan mendatang. Ini kerana kebanyakan cerita rakyat memberikan pengajaran dalam konteks yang luas tetapi sesuai dalam pelbagai perkara. Ianya mempunyai perkaitan dengan urusan kehidupan harian yang menjelaskan mengenai sesuatu yang boleh diambil pengajaran oleh masyarakat.

Sebagai contoh antara cerita rakyat yang popular ialah Hikayat Sang Kancil. Terdapat pelbagai cerita tentang pengalaman kehidupan dan kecerdikan Sang Kancil yang memberikan pengajaran tentang falsafah kehidupan. Antara kandungan pengajaran yang diangkat dalam cerita ini adalah semangat bekerjasama, tolong-menolong antara satu sama lain, hormat menghormati, melakukan perkara kebaikan, sikap bertanggungjawab, sifat buruk yang tidak harus dilakukan, nilai persahabatan dan setiakawan serta pelbagai lagi yang diungkap secara terus mahupun sindiran. Kesemuanya memberikan gambaran yang menyeluruh tentang sebab dan akibat sesuatu perbuatan. Jika kita melakukan kebaikan maka akan peroleh kebahagiaan dan begitulah sebaliknya. Konsep kekeluargaan juga banyak disentuh sebagai intipati yang mendasari cerita.

Apa yang pasti, cerita rakyat merupakan karya yang tinggi hasil seni dan kreativiti yang mendasarinya. Suatu khazanah yang harus dihargai dan diteruskan legasinya. Jangan hanya kerana kemodoran yang kita kecapi hari ini, kita seakan melupakan karya turun temurun kita yang mewariskan ilmu melalui kaedah penceritaan.



Animasi Les' Copaque
Pada Zaman Dahulu